

## SIARAN AKHBAR

### **CYBERSECURITY MALAYSIA SEBUAH AGENSI TEKNIKAL KESELAMATAN SIBER BANTU ORGANISASI PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA**

**PUTRAJAYA (2 Jun 2015)** - CyberSecurity Malaysia merupakan organisasi pakar teknikal keselamatan siber negara yang diamanahkan untuk memastikan keselamatan ruang siber Negara, dan memperkuuhkan pertahanan siber negara secara responsif, proaktif dan saksama (impartial). Berdasarkan jenis perkhidmatan CyberSecurity Malaysia yang lebih menjurus kepada strategi, operasi dan tektikal berasaskan teknologi, CyberSecurity Malaysia telah diletakkan di bawah seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Semenjak penubuhannya, pelbagai perkhidmatan, program serta inisiatif berasaskan teknikal telah dan sedang dibangunkan bagi memenuhi keperluan dari segi prasarana keselamatan siber pelbagai Kementerian, Jabatan dan organisasi di Malaysia.

"Dengan kelengkapan infrastruktur sedia ada, skil kepakaran serta pengalaman tenaga kerja mahir disokong pula oleh kredibiliti dan reputasi CyberSecurity Malaysia sama ada di peringkat nasional mahu pun di arena antarabangsa, pusat pakar teknikal keselamatan siber ini perlu terus memberi perkhidmatan dan sokongan teknikal kepada semua Kementerian, Jabatan serta Agensi Kerajaan dan juga pelbagai organisasi Penguatkuasa Undang-Undang seperti PDRM, SPRM, SKMM, KPDNKK, Suruhanjaya Sekuriti, Jabatan Peguam Negara, dan Bank Negara," kata YB Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Melalui Arahan 24, Perenggan 16.1: 'Peranan Agensi Pakar' menyatakan bahawa CyberSecurity Malaysia sebagai agensi pakar dikehendaki memberi sokongan dan



bantuan teknikal serta menyediakan perkhidmatan latihan dalam pengurusan krisis siber negara.

CyberSecurity Malaysia juga turut memberi sokongan serta perkhidmatan teknikal kepada 10 sektor Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII), sebagaimana yang termaktub di dalam Dasar Keselamatan Siber Negara (NCSP). 10 sektor CNII yang dimaksudkan adalah sektor Pertahanan & Keselamatan, Perbankan dan Kewangan, Maklumat dan Komunikasi, Tenaga, Air, Pengangkutan, Kesihatan, Makanan & Pertanian, Perkhidmatan Kerajaan, dan Perkhidmatan Kecemasan.

Kini, CyberSecurity Malaysia membantu Penguatkuasa Undang-Undang dengan membekalkan khidmat latihan, pensijilan, taklimat kesedaran; serta pengurusan krisis siber seperti yang termaktub dalam Arahan No. 24, Dasar dan Mekanisme Pengurusan Krisis Siber Negara yang ditandatangani oleh YAB Perdana Menteri pada 29 September 2011.

Selain aspek teknikal, CyberSecurity Malaysia juga bertanggungjawab membina kesedaran keselamatan siber dalam kalangan masyarakat Malaysia, dan membudayakan sifat positif, berhemah dan beretika ketika melayari dunia siber. Oleh itu, kedudukan CyberSecurity Malaysia di bawah MOSTI adalah tepat dan relevan memandangkan MOSTI turut menyokong dan bekerjasama dengan pelbagai pihak terutamanya Agensi Penguatkuasa Undang-undang, Agensi Perkhidmatan Kecemasan, dan pihak berkuasa tempatan.

~ Tamat ~

---

*For enquiry about this document, please call +603-89460999, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 895), or Sandra Isnaji (ext: 867), email [media@cybersecurity.my](mailto:media@cybersecurity.my) or Alice Suriati Mazlan (019-3274966)*

Website: [www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)  
Facebook Page: [CyberSecurityMalaysia](https://www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia)  
Twitter: [@cybersecuritymy](https://twitter.com/cybersecuritymy)  
Instagram: [@CyberSecurity\\_Malaysia](https://www.instagram.com/CyberSecurity_Malaysia)  
Youtube : [cybersecuritymy](https://www.youtube.com/cybersecuritymy)

## LAMPIRAN 1: Liputan Berita Harian bertarikh 30 Mei 2015.

NASIONAL 3

# CSM jadi badan khas pantau ancaman jenayah siber

**Kuala Terengganu:** Kementerian Komunikasi dan Multimedia mahu memperkasakan Cyber Security Malaysia (CSM) sebagai sebuah subsidiari di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), bagi memudahkan kawalan terhadap isu berkaitan jenayah siber.

Timbalan Menterinya, Datuk Jailani Johari (**gambar**), berkata ancaman jenayah siber yang semakin berleluasa ketika ini memerlukan tindakan segera dan pihaknya akan mengemukakan cadangan supaya CSM menjadi satu badan khas yang mempunyai keupayaan memantau serta mengekang ancaman jenayah siber yang boleh menggugat ketenteraman awam.

### Pindaan akta ke Parlimen

Beliau berkata, pihaknya akan membentangkan pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 di Parlimen untuk masukkan peruntukan dan cadangan supaya CSM dijadikan subsidiari di bawah SKMM yang dijangka pada Oktober depan.



“Kita tahu dari segi isu siber, kebanyakannya dikendalikan oleh pihak CSM. Bagaimanapun, CSM adalah sebuah syarikat sedangkan SKMM adalah badan berkanun. Justeru, dalam kajian pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang dijangka akan dibentangkan Oktober ini di Parlimen, mungkin kita boleh masukkan satu peruntukan atau cadangan yang membolehkan CSM sebagai sebahagian kepada SKMM.

“Apabila berkaitan isu keselamatan siber, kita ada badan yang khusus sekiranya berlaku ancaman siber,” katanya selepas merasmikan Program Meraikan Satu Juta Pelanggan Njoi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai langkah yang diambil kementerian dalam mengawal jenayah siber, termasuk kelantangan pengguna bersuara di media sosial sehingga boleh menggugat ketenteraman awam.